

Maklumat Inovasi

Tajuk Inovasi	Proses Permohonan & Pemilihan Peserta Pinjaman Induk Tanpa Faedah (PINTAF) Mengambil Masa Yang Lama
Ketua Kumpulan	En Mat Termizi Bin Hussin  
Ahli Kumpulan	<ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="587 719 1289 752">1. Tn Hj. Yusop Bin Ahmad/ Pen. Pegawai Veterinar G27  <li data-bbox="587 891 1378 925">2. En. Syamsul Arifin Bin Abd Arif/ Pen. Pegawai Veterinar G27  <li data-bbox="587 1059 1321 1093">3. Tn Hj Isa Bin Abdullah Sani/ Pen. Pegawai Veterinar G27  <li data-bbox="587 1256 1321 1290">4. En. Esdy Azif Bin Abd Rani/ Pen. Pegawai Veterinar G27  <li data-bbox="587 1458 1329 1491">5. En Megat Izudin Bin Megat MK/ Pembantu Veterinar G17  <li data-bbox="587 1659 1342 1693">6. En Ahmad Husaini Bin Saidin/ Pen. Pegawai Veterinar G27  <li data-bbox="587 1861 1369 1895">7. En Muhammad Azizul Bin Abdul Wahab/ Pem Veterinar G17 

<p>Latar Belakang</p>	<p>Pada penghujung tahun 2012 satu sistem pemilihan secara sistematik dan dalam talian telah diwujudkan hasil idea secara teknikal oleh pegawai DVS Perak sendiri untuk menyelesaikan masalah yang berlaku dalam memilih peserta agar lebih adil, cepat dan mencapai sasaran yang ditetapkan.</p> <p>Jika sebelum ini proses permohonan dilakukan secara manual oleh mereka yang berminat dan berkelayakan untuk menjadi peserta PINTAF, menjadi satu masalah kepada kakitangan dan pemohon. Kaedah pemilihan yang digunapakai juga tidak efisien kerana ia mengambil masa yang panjang serta perlu melepasi peringkat-peringkat tertentu yang memberi kekangan kepada kakitangan disamping tugas hakiki yang lain serta membuka ruang dan peluang kepada wujudnya amalan yang tidak berintegriti.</p> <p>Satu kaedah baru secara sistematik telah dicipta dengan menggunakan kaedah atas talian di mana permohonan dilakukan secara 'online' untuk diisi oleh pemohon/penternak. Proses pemilihan juga dijana oleh komputer dengan piawaian tertentu yang ditetapkan oleh DVS Perak dengan kriteria-kriteria yang perlu dipenuhi. Pemohon tidak perlu menghadiri sesi temuduga secara langsung yang memakan masa dan keputusan dibuat memilih peserta yang layak dapat diperolehi dengan cepat dan tepat. Peserta terpilih dapat disenarai pendek dengan cepat dan memudahkan proses siasatan dan yang berjaya akan menjadi peserta PINTAF. Agihan ternakan dapat dilakukan dengan cepat dan tidak menimbulkan keputusan berat sebelah dan penternak yang benar-benar berpotensi dapat dikembangkan.</p> <p>Inovasi ini dikenali sebagai Sistem Pintaf Online</p>
<p>Ringkasan Inovasi</p>	<p>Sistem Pintaf Online merupakan satu kaedah baru dalam permohonan dan pemilihan peserta secara atas talian telah dicipta dengan menggunakan kepakaran dan pengetahuan ahli KIK Jabatan di mana permohonan dilakukan secara 'online' untuk diisi oleh pemohon/penternak. Sistem ini adalah janaan oleh komputer secara keseluruhan terutama dalam proses permohonan, pemilihan dan tapisan pemohon yang benar-benar layak. Ia dikawal dengan piawaian tertentu yang ditetapkan oleh DVS Perak dengan kriteria-kriteria yang perlu dipenuhi. Pemarkahan adalah secara automatik dan siasatan lapangan dilakukan hanya bagi mengesahkan kesahihan maklumat yang diberikan dalam permohonan. Tiada lagi sesi temuduga secara langsung yang memakan masa lama. Peserta akan disenarai pendek melalui sistem ini dalam beberapa saat secara adil, mudah dan ini mempercepatkan siasatan di lapangan dijalankan. Keputusan memilih peserta yang layak dapat diperolehi dengan cepat dan tepat. Ruang dan peluang untuk amalan tidak berintegriti akan terhapus dan golongan sasaran yang benar-benar layak sahaja yang akan mendapat agihan bantuan. Proses penyerahan ternakan dapat dilakukan dengan cepat dan tidak menimbulkan keputusan berat sebelah dan penternak yang benar-benar berpotensi dapat</p>

	<p>dikembangkan. Secara umumnya, sistem ini dapat melakukan pemilihan penternak yang berpotensi secara berintegriti, adil dan cepat. Sistem ini boleh diakses di mana sahaja pada bila-bila masa melalui laman web rasmi Jabatan www.jpvpk.gov.my</p>
<p>Faedah Inovasi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menjimatkan Kos & Masa • Menutup Peluang Dan Ruang • Mengelakkan Tomahan Masyarakat • Memantapkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kepada Golongan Sasar • Meningkatkan “Delivery System” • Mengembangkan Penternak Berpotensi Dalam Industri Ternakan Ruminan • Menggunakan aplikasi dan teknologi secara lebih baik
<p>Maklumat Lanjut</p>	<p>Nama : En Muniandy a/l Awali Jawatan : Pen. Pegawai Veterinar G32 Alamat : Ibupejabat Perkhidmatan Veterinar negeri Perak, Jln Sultan Azlan Shah (U), 31400 Ipoh, Perak No. Telefon : 05 5459111/122/133 (Pej) 0103938515 / 0175618473 (Hp) 055472561 (Fax) Email : avoandy@yahoo.com</p>
<p>Gambar Produk Inovasi</p>	<p>www.jpvpk.gov.my</p> 